

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15/01/2018

DAKWAAN BUDAYA, NILAI HIDUP PUNCA MELAYU KETINGGALAN

Kenyataan Tun Mahathir hina maruah orang Melayu

BH - 15/1/2018
Pg. 6



➔ **Tuduhan Pengerusi PPBM tak berasas, cuba tutup kegagalan 22 tahun jadi PM**

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad disifatkan sebagai menghina dan menjatuhkan maratabat orang Melayu, apabila mendakwa budaya serta nilai hidup yang dipegang kaum dominan di negara ini, menyebabkan mereka ketinggalan.

Ketua Sekolah Warisan dan Peradaban, Universiti Islam Malaysia Cyberjaya (UIM), Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar, berkata apa yang diperkatakan Pengerusi Parti Pribumi Perkasa Malaysia (PPBM) itu adalah tuduhan tanpa berasaskan fakta empirikal.

Sebaliknya kata beliau, orang Melayu mempunyai kekuatan berdasarkan ajaran Islam dan budaya bangsa yang positif dengan berpegang kepada prinsip 'agama dijunjung, adat dikendong.

Malah katanya, kehebatan dan ketokohan orang Melayu di negara ini mentadbir atau menceburi pelbagai bidang strategik selama ini berjaya meletakkan Malaysia sebagai negara Islam yang hebat serta disegani di pentas antarabangsa.

"Kita tidak boleh anggap semua masyarakat Melayu sama seperti yang Dr Mahathir perkatakan. Bagi saya ia satu penghinaan kepada orang Melayu.

Pendirian tak konsisten

"Soalnya, mengapa pada masa menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir tidak bertindak untuk memperbetulkan apa yang disebut beliau sebagai 'kelemahan' orang Melayu. Beliau seorang yang tidak konsisten dengan pendiriannya.

"Beliau hanya tahu menuduh tanpa fakta. Hakikatnya kita dapat lihat banyak kehebatan dan kejayaan dicapai orang Melayu yang direkodkan termasuk di pentas an-

tarabangsa," katanya.

Dr Mahathir terus mencetuskan kontroversi apabila mendakwa budaya dan nilai hidup dipegang masyarakat Melayu negara ini menyebabkan kaum itu ketinggalan.

Ketika program Bicara Wawasan 2020 di Putrajaya kelmarin, Dr Mahathir turut mendakwa kaum Melayu kurang tekun bekerja, kurang rajin dan kadangkala kurang amanah.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zambri Mohd Isa, berkata dakwaan Dr Mahathir itu bertujuan menutup kegagalan pemimpin masyarakat Melayu ketika menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO satu masa dulu.

Katanya, Dr Mahathir tahu beliau gagal memperbetulkan kepincangan yang berlaku kepada orang Melayu sepanjang 22 tahun dia menjadi Perdana Menteri.

"Jika beliau hendak menyalahkan sikap orang Melayu, semasa beliau menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO, mengapa tidak diperbetulkan.

"Mengapa baru sekarang hendak salahkan orang Melayu. Saya fikir, ini kegagalan beliau ketika men-

jadi Perdana Menteri. Tokoh seperti ini tidak layak diangkat menjadi Perdana Menteri semula," katanya.

Wajar berhenti bercakap

Beliau berkata, Dr Mahathir wajar berhenti bercakap isu yang boleh menyebabkan lebih banyak 'pekung' pada zaman pemerintahannya terdedah kepada umum.

"Beliau wajar berehat dan jika hendak memperbetulkan keadaan, beliau boleh menasihati 'dari dalam'," katanya.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar, berkata Dr Mahathir tidak wajar memandang rendah bangsa Melayu kerana beliau juga dibesarkan dalam adat budaya dan nilai hidup sama.

Katanya, Dr Mahathir juga perlu melihat kejayaan anaknya, Tan Sri Mokhzani, yang juga antara 10 tokoh perniagaan kaya yang tergolong dalam kelompok bangsa yang disifatkan malas itu.

Beliau berkata, dakwaan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tidak berasas dan tidak mewakili keseluruhan masyarakat Melayu.

Kita tidak boleh anggap semua masyarakat Melayu sama seperti yang Dr Mahathir perkatakan. Bagi saya ia satu penghinaan kepada orang Melayu. Soalnya, mengapa pada masa menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir tidak bertindak untuk memperbetulkan apa yang disebut beliau sebagai 'kelemahan' orang Melayu."

Abdul Latiff Abu Bakar,
Ketua Sekolah Warisan dan Peradaban, Universiti Islam Malaysia Cyberjaya (UIM)